



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat Siri 3/ 2025 (Mac 2025)

Bil	Tajuk	Tarikh/ Waktu Zohor
1.	Menuju Ar-Rayyan	7 Mac 2025M/ 6 Ramadan 1446H (1:32 pm)
2.	Cahaya 114 (Khutbah Sempena Nuzul Quran)	14 Mac 2025M/ 13 Ramadan 1446H (1:30 pm)
3.	Kemanisan Lailatul Qadar	21 Mac 2025M/ 20 Ramadan 1446H (1:28 pm)
4.	Aku Bukan Hamba Ramadan	27 Mac 2025M/ 28 Ramadan 1446H (1:26 pm)
Khutbah Kedua		

Dibiayai:



Zakat Majlis Agama Islam
Pulau Pinang

Diterbitkan:



Jabatan Hal Ehwal Agama
Islam



***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang

- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun

- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang

- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia

- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah

- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Cahaya 114

14 Mac 2025M / 13 Ramadan 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ... ﴿سورة البقرة

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib ingin menyeru supaya kita bersungguh-sungguh meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Takwa boleh ditingkatkan dengan kita mentaati segala perintah Allah dan meninggalkan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah. Hasil ketakwaan yang tinggi akan membawa kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Mimbar juga menyeru jemaah untuk memberi fokus sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Menurut Irsyad Fatwa Negeri Pulau Pinang, sunat hukumnya bagi orang yang mendengar khutbah untuk diam daripada berkata-kata dan tidak melakukan sebarang aktiviti selain



mendengar khutbah. Bersempena Ramadan al-Mubarak, khatib akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Cahaya 114**”.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Al-Quran merupakan mukjizat teragung yang diturunkan oleh Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kepada Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ sebagai hidayah panduan dan pedoman dalam kehidupan manusia. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud:

“(Diwajibkan kamu berpuasa pada) bulan Ramadan, bulan yang padanya diturunkan al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan mengenai petunjuk itu dan (menjelaskan) perbezaan (antara yang hak dan batil).”

Menurut Syeikh Manna’ Qattan (شيخ مَنَّاعُ الْقَطَّان) dalam bukunya “*Mabahis Fi ‘Ulum Al-Quran (مَبَاهِثُ فِي عُلُومِ الْقُرْآنِ)*”, proses penurunan Al-Quran berlaku dalam dua peringkat. Peringkat pertama ia diturunkan daripada Luh Mahfuz ke langit dunia secara sekaligus yang berlaku pada Lailatul Qadr dan sebanyak 30 juzu’ dan 114 surah. Itulah **Cahaya 114** iaitu 114 surah al-Quran yang memberi panduan dalam kehidupan. Peringkat kedua pula diturunkan daripada langit dunia kepada Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ secara beransur-ansur melalui perantaraan Malaikat Jibril عَلَيْهِ السَّلَامُ.

Al-Quran yang diturunkan secara beransur-ansur ini mengambil masa selama hampir 23 tahun. Ayat pertama yang diturunkan ialah ayat 1-5 daripada surah Al-‘Alaq yang diturunkan pada 17 Ramadan tahun 610



Masihi di Gua Hira'. Manakala ayat terakhir yang diturunkan ialah ayat 281 surah Al-Baqarah iaitu sembilan hari sebelum kewafatan Nabi ﷺ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Penurunan al-Quran sebenarnya telah memberikan sejuta rahmat kepada manusia. Imam Ar-Razi dalam kitab tafsirnya telah menjelaskan bahawa Al-Quran itu adalah penawar kepada penyakit rohani dan jasmani. Namun apa yang menyedihkan, masih ada dalam kalangan umat Islam yang tidak menghargai Al-Quran dan memandangnya sebagai sesuatu yang tidak bernilai.

Dalam satu situasi ketika memandu misalnya, apabila kenderaan kita berhenti seketika di lampu isyarat, kebiasaannya tangan akan segera mencapai telefon bimbit bagi mengisi masa menunggu. Namun, persoalannya; aplikasi apakah yang menjadi pilihan utama? Al-Quran atau media sosial? Andai ada yang mendakwa memilih al-Quran untuk dibaca, mungkin kata-kata itu sekadar pemanis di bibir, kerana hakikatnya, majoriti daripada kita cenderung untuk membuka media sosial terlebih dahulu.

Maka amat wajar untuk bermuhasabah, apakah kita benar-benar menghayati kepentingan al-Quran dalam kehidupan atau sebaliknya?

Masyarakat Islam hari ini, masih ketinggalan jauh daripada menghayati isi kandungan Al-Quran dengan sebenar-benarnya. Kita dapati al-Quran hanya akan berkumandang bila berlakunya kematian, atau ia sekadar menjadi pembuka tirai bagi majlis-majlis tertentu.



Barangkali ia lebih kerap dibaca ketika Ramadan, namun selepas itu, al-Quran kembali sepi, seolah-olah dilupakan.

Ini adalah fenomena yang sepatutnya diubati agar ia tidak berterusan. Setiap orang Islam mesti berusaha sedaya upaya untuk membaca, memahami, menghayati dan mempraktikkan keseluruhan isi kandungan al-Quran dalam kehidupan.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Dr. Solah Abdul Fatah Al-Khalidi (دكتور صلاح عبد الفتاح الخالدي) dalam bukunya *Mafatih Lita'amuli Ma'al Quran* (مَفَاتِيحُ لَتَعَامُلِ مَعَ الْقُرْآنِ) telah menyenaraikan beberapa tujuan utama Al-Quran itu diturunkan. Antaranya ialah:

Pertama: Untuk mendapat hidayah daripada Allah;

Kedua: Untuk mewujudkan peribadi muslim yang unggul dan seimbang;

Ketiga: Mewujudkan masyarakat Islam tulen; dan

Keempat: Sebagai senjata dalam menghayati musuh-musuh Islam yang berusaha untuk menghancurkan Islam.

Untuk melihat bahawa kita benar-benar beriman dan yakin terhadap isi dan kandungan al-Quran tersebut perlulah ada pada diri kita beberapa ciri sebagai tanda dan ukuran.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Kesimpulan daripada khutbah pada minggu ini:



Pertama: Hendaklah kita sentiasa membaca al-Quran al-Karim dan berusaha menghafaznya kerana ia dapat menambah kebersihan jiwa, ketenangan, keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

Kedua: Hendaklah kita menyemarakkan tadarus al-Quran di sepanjang bulan Ramadan.

Ketiga: Hendaklah al-Quran itu dibaca dengan *tartil* iaitu dengan bacaan yang betul mengikut ilmu tajwid.

Keempat: Hendaklah kita sentiasa meneliti, memahami, menghayati serta mengamalkan isi kandungan al-Quran.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٤﴾

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, saling berpesan tentang kebenaran dan kesabaran.”

﴿Surah al-Asr ayat 1 hingga 3﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk makluman semua, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada tahun 2004 telah memutuskan bahawa merokok adalah haram. Begitu juga fatwa pada tahun 2016 yang menetapkan bahawa rokok elektronik, vape, dan shisha juga haram.

Justeru, bagi sesiapa yang berjaya mengurangkan atau meninggalkan tabiat ini sepanjang Ramadan, jadikanlah ia sebagai titik perubahan ke arah kehidupan yang lebih sihat dan diberkati. Ramadan mengajar kita erti kesabaran dan mujahadah, maka gunakanlah kekuatan ini untuk terus meninggalkan amalan yang membahayakan diri dan orang sekeliling. Ingatlah, setiap detik perubahan ke arah kebaikan adalah satu langkah menuju keredhaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.



قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةً قَوْلَاو فِينِغَ آمِنًا مُظْمِنًا سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang



istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.